AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

*Penularan COVID-19*

# Tiada kematian direkod dalam tempoh dua hari

## Jumlah kumulatif kematian kekal 107 kes

**Putrajaya:** Tiada kematian direkodkan akibat COVID-19 dalam tempoh dua hari berturut-turut di negara ini, menjadikan jumlah kumulatif kematian akibat pandemik itu kekal 107 kes.

Kes baharu pula menunjukkan sedikit peningkatan berbanding kelmarin iaitu 68 kes dengan 57 kes membabitkan kalangan bukan warganegara Malaysia.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata sebanyak 88 kes pulih dan dibenarkan pulang dilaporkan semalam menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sebanyak 4,864 kes atau 74.43 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Berikutan pertambahan kes baharu itu, ia menjadikan jumlah kumulatif kes baharu sebanyak 6,535 kes dengan jumlah kes aktif sebanyak 1,564 kes.

*Ingin dimaklumkan bahawa daripada 68 kes baharu yang dilaporkan hari ini (semalam), empat kes import dilaporkan.*

***Dr Noor Hisham Abdullah,*** *Ketua Pengarah Kesihatan*

"Ingin dimaklumkan bahawa daripada 68 kes baharu yang dilaporkan hari ini (semalam), empat kes import dilaporkan iaitu tiga kes dari United Kingdom dan satu kes dari Amerika Syarikat.

BHTV

"Ini bermakna, kes penularan tempatan adalah sebanyak 64 kes, di mana sebanyak tiga kes telah dikesan dari kluster dan lokaliti di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini, semalam.



*Anggota tentera membuat kawalan* di sebuah kilang di Pedas, Negeri Sembilan susulan terdapat 60 kes positif COVID-19. (Foto Adzlan Sidek /BH)

# 60 kes positif virus babit kluster kilang dikesan

**Putrajaya:** Sebanyak 60 kes positif COVID-19 dikesan melalui satu kluster yang membabitkan kumpulan pekerja di sebuah kilang di Pedas, Negeri Sembilan yang dilaporkan sebelum ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kluster itu mula dikesan apabila seorang kakitangan kilang berkenaan didapati tidak sihat dan mengalami gejala demam, batuk, selesema, sesak nafas dan sakit kepala pada 5 April lalu.

Katanya, individu berkenaan mendapatkan rawatan di klinik kesihatan dan ujian saringan COVID-19 dijalankan pada 10 April lalu.

"Pada 12 April, keputusan ujian pengesanan COVID-19 disahkan positif. Susulan itu, siasatan dan saringan bagi kontak rapat kakitangan berkenaan dijalankan.

"Sehingga jam 12 tengah hari tadi (semalam), 786 sudah disaring dan mereka terdiri daripada pekerja kilang dan ahli keluarga mereka.

"Daripada jumlah keseluruhan ini, 60 kes didapati positif, 268 kes negatif dan 440 orang masih menunggu keputusan. Buat masa ini punca jangkitan bagi kluster ini masih dalam siasatan," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini semalam.

Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan bimbang dengan segelintir industri kecil yang tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) untuk beroperasi.

Katanya, sejak Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dilaksanakan, kilang besar didapati lebih patuh kepada SOP ditetapkan.

"Sejak PKPB dilaksanakan, kilang-kilang besar mematuhi SOP ditetapkan. Namun apa yang dibimbangkan adalah segelintir industri kecil untuk mematuhi SOP sama.

Katanya SOP kementerian mudah dipatuhi iaitu pastikan penjarakan sosial, basuh tangan, pakai pelitup muka dan elakkan perhimpunan ramai.

Dr Noor Hisham berkata, sektor industri sama ada kecil atau besar wajib mematuhi SOP kementerian berkaitan PKPB bagi memastikan kejayaan negara membendung penularan COVID-19.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

# Kaedah inovasi baharu TASKA

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan (KKM) sedang mempertimbangkan kaedah inovasi baharu yang boleh digunakan di Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA), sebelum membenarkan operasinya dibuka semula.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ia berikutan banyak permintaan diterima daripada pihak kilang dan industri supaya operasi TASKA dibuka semula.

Sehubungan itu beliau berkata, pihaknya masih meneliti sebaik mungkin mengenai cadangan membenarkan TASKA beroperasi semula dan sebarang keputusan mengenainya belum dimuktamadkan.

"Kita sedang meneliti permohonan ini dan risau kawalan kanak-kanak berkenaan. Kalau lihat di TASKA, sebelum COVID-19 pun penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) masih berlaku jadi jangkitan mudah di TASKA, tempat kerja dan sebagainya.

"Kalau kita kumpulkan semua kanak-kanak di satu tempat, itu akan jadi perhimpunan dan menjadi kerisauan KKM kerana kebolehjangkitan akan meningkat jika ikut kaedah lama.

"Melainkan jika pengurusan kanak-kanak boleh dihadkan secara 'one to one' atau di tempat khas baru kita boleh pertimbangkan," katanya pada sidang media di Putrajaya, semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

# Kluster Pedas jangkiti 60 individu

Kes positif Covid-19 libatkan pekerja kilang di Negeri Sembilan pula

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan (KKM) mengesan satu lagi kluster baharu melibatkan warga pekerja di sebuah kilang di Pedas, Negeri Sembilan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia selepas 60 kes positif wabak koronavirus (Covid-19) di kawasan tersebut.

Menurutnya, kes positif itu melibatkan tujuh rakyat Malaysia, Nepal (25 kes), Bangladesh (18 kes), lapan kes warganegara Indonesia dan dua kes rakyat Myanmar.

"Seperti yang dimaklumkan pada 2 Mei lalu, KKM mengenal pasti satu kluster melibatkan pekerja di sebuah kilang di Pedas, Negeri Sembilan.



Dr Noor Hisham pada sidang akhbar harian berkaitan jangkitan Covid-19 di Kementerian Kesihatan, Putrajaya semalam.

"Kluster itu dikesan apabila seorang pekerja kilang tersebut didapati tidak sihat dan mengalami gejala demam, batuk, selesema, sesak nafas dan sakit kepala pada 5 April lalu.

"Beliau telah mendapatkan rawatan di klinik kesihatan dan disahkan positif Covid-19 pada 12 April lalu," katanya pada sidang akhbar di kementeriannya di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata, susulan itu, siasatan dan saringan kontak rapat kakitangan tersebut telah dijalankan.

"Sehingga 8 Mei jam 12 tengah hari, seramai 786 orang disaring untuk Covid-19. Mereka terdiri daripada pekerja kilang dan ahli keluarga mereka.

"Sejumlah 60 kes didapati positif, 268 kes negatif dan 440 orang masih menunggu keputusan," katanya.

Sementara itu, jumlah kes positif Covid-19 di Malaysia kekal dua digit apabila sebanyak 68 kes baharu direkodkan semalam menjadikan kumulatif kes sebanyak 6,535.

Jelasnya, empat kes adalah kes import manakala selebihnya penularan tempatan di mana sebanyak tiga kes dikesan daripada kluster dan lokaliti di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)," katanya.

Beliau turut memaklumkan tiada kematian baharu akibat Covid-19 direkodkan semalam.

## KKM bimbang risiko jangkitan jika buka taska

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan (KKM) melahirkan kebimbangan wujud kebolehjangkitan koronavirus (Covid-19) yang tinggi sekiranya taman asuhan kanak-kanak (taska) swasta dibuka seperti biasa.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pihaknya banyak menerima permohonan daripada industri untuk membuka taska.

"Kalau kita kumpul kanak-kanak di satu tempat, itu menjadi satu kebimbangan KKM kerana kebolehjangkitan meningkat," katanya pada sidang akhbar perkembangan terkini Covid-19 di kementeriannya di sini semalam.

Menurutnya, kesemua permohonan yang dibuat sedang diteliti KKM.

"Kalau kita lihat di taska sebelum Covid-19 melanda, penyakit tangan kaki dan mulut (HFMD) dalam kalangan kanak-kanak mudah berlaku di taska," katanya.

Beliau berkata, KKM sedang mempertimbangkan kaedah dan inovasi baharu dalam penjagaan kanak-kanak bagi menjamin keselamatan golongan itu.

"Kita belum memberi keputusan melainkan kita memperlihatkan pengurusan kanak-kanak seorang demi seorang ataupun tempat khas barulah kita pertimbangkan," katanya.

Dalam garis panduan Majlis Keselamatan Negara pada 2 Mei lalu, taska di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat dibenar beroperasi dengan protokol yang ketat.

## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

| JUMLAH KESELURUHAN: | PULIH: | ICU: | KEMATIAN: | KES BAHARU |
|---|---|---|---|---|
| 6,535 | 4,864 | 18 | 107 | +68 |







* Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 8 Mei 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 6,467 kes kepada 6,535 kes




INFOGRAFIK: SINAR HARIAN/EPIC

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : STORY OF THE DAY/NEWS

60 TEST POSITIVE

# PROBE INTO CAUSE OF FACTORY CLUSTER

Cluster involves workers from a factory in Pedas, Negri Sembilan, says Health D-G

ADIB POVERA
AND TEH ATHIRA YUSOF
**PUTRAJAYA**
news@nst.com.my

THE Health Ministry is investigating the cause of Covid-19 infections involving a cluster of factory workers in Pedas, Negri Sembilan, which has recorded 60 confirmed cases.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the ministry detected the cluster when a worker from the factory developed symptoms related to the virus on April 5.

"As it was announced on May 2, the ministry detected a cluster involving workers from a factory in Pedas, Negri Sembilan.

"A factory worker was suffering from fever, cough, flu, shortness of breath and headache on April 5. The factory worker underwent Covid-19 screening when he sought treatment at a health clinic on April 10.

"The results two days later showed that the factory worker was Covid-19-positive," Dr Noor Hisham told a daily briefing here yesterday.

The ministry initiated a probe and close contact tracing of the factory worker.

"Up to noon today (yesterday), 789 people (who are close contacts of the factory worker) comprising workers at the factory and family members have been screened for Covid-19.

"A total of 60 tested positive for Covid-19, while test results for 286 others returned negative. The ministry is awaiting the results for the remaining 440."



*Datuk Dr Noor Hisham Abdullah*

The workers who tested positive comprise 25 Nepalese, 18 Bangladeshis, eight Indonesians and two Myanmar nationals.

"Seven of those infected are locals," said Dr Noor Hisham.

Yesterday, the Health Ministry recorded 68 new positive cases of Covid-19, bringing the tally to 6,535.

The death toll remained at 107 or 1.64 per cent from the total cases, as no death was recorded yesterday by the National Crisis Preparedness and Response Centre up to noon.

"Out of the 68 new cases, 57 comprised foreigners. They are being isolated and treated. There are four import cases involving Malaysians returning from abroad, three from the United Kingdom and one from the United States," Dr Noor Hisham said.

He said the Health Ministry identified three new Covid-19 cases from the third generation of the Sri Petaling gathering cluster. He said 36,587 samples had been taken from that cluster, with 2,340 samples testing positive.

For another cluster under the Enhanced Movement Control Order (EMCO), Dr Noor Hisham said two localities in Pusat Bandar Utara and Pasar Borong Kuala Lumpur recorded three additional positive cases up to yesterday.

Another case related to the clusters from the two localities, he said, was detected outside of the EMCO area.

"This brings the total positive cases (of the clusters related to the two localities) to 192.

"A total of 82 cases (linked to the clusters involving the two localities) were recorded outside the EMCO areas.

"The cases included 118 positive cases and one death, all involving foreigners."

For the Selayang Baru locality, Dr Noor Hisham said it remained at 52 involving 36 foreigners.

For the cluster involving 366 madrasah and tahfiz schools, Dr Hisham said the ministry had identified 18,158 students, teachers and staff. A total of 9,695 individuals were screened for Covid-19, of whom 424 or 4.4 per cent tested positive.

On another matter, Dr Noor Hisham said new methods and innovations would be considered to allow daycare centres to resume operations.

"Even before the Covid-19 pandemic, there had been outbreaks of hand, foot and mouth disease at daycare centres, workplaces and other places.

"If we gather many children in one place, it could possibly lead to an increase in infections. This is the possibility if we follow the old method (of operating the daycare centres)

"However, if the centre's management limits the number of children either by doing one-on-one sessions or the children are placed apart in specific areas, then we can consider that."

He said there were requests from factories and industries to the ministry to allow the daycare centres to operate.

Since the Conditional Movement Control Order (CMCO) started on May 4, the government allowed economic sectors to resume as long as they followed the ministry's guidelines during the pandemic.

Many working parents have also requested for daycare centres to open since they need to head back to work. However, the government has yet to allow any daycare centres or schools to operate during the CMCO.

Dr Noor Hisham said the CMCO approach was a means to provide a "soft landing" before the country could move forward and enter the "exit strategy" phase in the fight against Covid-19.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NST POSTER

# GLOBAL COVID-19 CASES

## UNITED KINGDOM
Recorded cases **206,715**
Deaths **30,615**

**Updates:** Prime Minister Boris Johnson is expected to address the nation this Sunday on a "roadmap to lift the lockdown", which will be staggered over the next six months. The country has overtaken Italy to report the highest official death toll in Europe from the new coronavirus with more than 30,000 deaths.

## RUSSIA
Recorded cases **187,859**
Deaths **1,723**

**Updates:** The country overtook France and Germany in number of registered Covid-19 cases on Thursday with 6,703 new cases. More than half of the country's cases were reported in Moscow. The capital's mayor Sergei Sobyanin however, suggested that the actual number could be triple the official figure.

## TURKEY
Recorded cases **133,721**
Deaths **3,641**

**Updates:** Shopping malls, barber shops, and hair salons in the country are set to reopen on Monday to gradually loosen restrictions which have been imposed over the past weeks. Health Minister Fahrettin Koca said Turkey will test 150,000 people to assess how widely coronavirus has spread among the populace.

## CHINA
Recorded cases **82,886**
Deaths **4,633**

**Updates:** Researchers at the Shangqiu Municipal Hospital in China's Henan Province have detected the Covid-19 virus in the semen of an infected man. They however said that further research was needed to confirm whether the virus can be sexually transmitted. Previously, the virus had also been detected in faeces, saliva and urine.

## UNITED STATES
Recorded cases **1,292,879**
Deaths **76,942**

**Updates:** The Labour Department revealed that more than three million workers filed for unemployment benefits last week, bringing the tally to more than 33 million Americans with jobless claims since the outbreak of Covid-19 in the country. Last month, about 20.2 million workers lost their jobs in the US.

## FRANCE
Recorded cases **174,791**
Deaths **25,987**

**Updates:** The country is set to ease its nationwide lockdown on Monday, with shops and some schools allowed to reopen. Prime Minister Edouard Philippe, however, warned the public, especially those in the Paris region, that they would need to strictly observe social distancing or face tighter measures. The French were confined to their homes since March 17.

## SINGAPORE
Recorded cases **21,707**
Deaths **20**

**Updates:** Yesterday, the republic preliminarily recorded an additional 768 Covid-19 cases, bringing the tally to 21,707. The Health Ministry said most of the new cases involved work-permit holders residing in foreign worker dormitories, with only five cases involving Singaporeans or permanent residents.

## SPAIN
Recorded cases **256,855**
Deaths **26,070**

**Updates:** Leganes coach Javier Aguirre announced that the Spanish football season will restart on June 20 and finish on July 26, after being halted for three months since the Covid-19 outbreak in the country. However, a La Liga spokesman reportedly said there were no confirmed dates so far for the return of the league.

## GERMANY
Recorded cases **169,430**
Deaths **7,392**

**Updates:** On Monday, restrictions for retail trade will be eased with shops being allowed to open but with strict social distancing conditions. Retail outlets can only admit a limited number of people. People from two separate households can now meet in public, but a 1.5m distance must be maintained where possible.

## INDONESIA
Recorded cases **12,776**
Deaths **930**

**Updates:** The country recorded 338 new confirmed Covid-19 cases on Thursday, bringing the total number of infections nationwide to 12,776. Its Health Ministry's disease control and prevention director-general Achmad Yurianto said the number of recovered patients has also increased to 2,381.

## ITALY
Recorded cases **215,858**
Deaths **29,958**

**Updates:** All religious ceremonies namely mass, baptisms, weddings and funerals will resume from May 18, after they were put on halt since early March due to the pandemic which has claimed nearly 30,000 people in Italy. The Italian government however said that attendees must abide by a set of anti-coronavirus guidelines.

## BRAZIL
Recorded cases **135,773**
Deaths **9,190**

**Updates:** Economy Minister Paulo Guedes said the country could face "economic collapse" in a month's time following stay-at-home measures, food shortages and "social disorder". State governors and mayors across Brazil have implemented strict measures since mid-March to stem the outbreak of Covid-19.

## THE PHILIPPINES
Recorded cases **10,463**
Deaths **696**

**Updates:** The country's Commission on Human Rights has urged the Transport Department to revise a ban on the elderly and pregnant women from riding the Metro Rail Transit (MRT) and Light Rail Transits (LRT) lines in Manila during the general community quarantine (GCQ). The commission said the ban could be discriminatory.

## TAKE PRECAUTIONS ON PUBLIC TRANSPORT TO PREVENT THE SPREAD OF COVID-19



- **Avoid using public transportation if you are feeling sick or suspect that you have Covid-19**
- **Avoid rush hour and stay safe**
  - Travelling when there are fewer passengers makes it easier to maintain at least a one-metre distance from others
- **Avoid using crowded buses or trains**
  - It is better to wait for the next one versus getting sick and spreading the virus
- **Show consideration for other passengers**
  - If you need to cough or sneeze, make sure you cover your mouth with your inner elbow

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATION

## Covid-19: Current situation globally

*(As of 7pm May 8, 2020)*

| | New cases | Total cases | Total deaths | Total recovered |
|---|---|---|---|---|
| Malaysia | 68 | 6,535 | 107 | 4,864 |

| Asean+ | India | Singapore | Japan | Indonesia | S. Korea | Philippines | Thailand | Vietnam | Myanmar | Brunei | Cambodia | Laos |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Confirmed cases | 56,516 | 21,707 | 15,477 | 13,112 | 10,822 | 10,463 | 3,000 | 288 | 176 | 141 | 122 | 19 |
| Deaths | 1,895 | 20 | 577 | 943 | 256 | 696 | 55 | 0 | 6 | 1 | 0 | 0 |
| Recovered | 16,867 | 1,712 | 4,918 | 2,494 | 9,484 | 1,734 | 2,784 | 233 | 62 | 132 | 120 | 9 |

| Global Top 10 | US | Spain | Italy | UK | Russia | France | Germany | Brazil | Turkey | Iran |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Confirmed cases | 1,292,879 | 256,855 | 215,858 | 206,715 | 187,859 | 174,791 | 169,430 | 135,773 | 133,721 | 103,135 |
| Deaths | 76,942 | 26,070 | 29,958 | 30,615 | 1,723 | 25,987 | 7,392 | 9,190 | 3,641 | 6,486 |
| Recovered | 217,251 | 163,919 | 96,276 | N/A | 26,608 | 55,027 | 141,700 | 55,350 | 82,984 | 82,744 |

# 60 workers test positive in Rembau

## Cluster infection cause still being probed, says DG

By RASHVINJEET S. BEDI
newsdesk@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Fifty-three foreign workers have tested positive for Covid-19 at a factory in Pedas, Rembau, a cluster that the Health Ministry discovered about a week ago.

Of the number, 25 are Nepali, 18 are Bangladeshi, eight are Indonesian and two are from Myanmar, says Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah (*pic*).

Also testing positive in the cluster are seven Malaysians, which brings the number of these cases to 60.

Dr Noor Hisham said that a total of 786 people, including workers and their families, had been screened for the disease, out of whom 60 tested positive, 286 were negative, while 440 were still waiting for their results.

The disease was first detected when an employee of the factory became sick. He had fever, cough, cold, breathlessness and headache on April 5.

The employee received treatment at a health clinic, where screening for the disease was conducted on April 10, with his result being confirmed positive two days later.

"The cause of the cluster is still being investigated," said Dr Noor Hisham.



Malaysia reported 68 more cases yesterday, bringing the total number of Covid-19 infections in the country to 6,535.

There were no new deaths reported, which means the country's death toll remains at 107.

Malaysia also discharged 88 more patients in the same 24-hour span, which means 4,864 patients have recovered from Covid-19 since the outbreak began, or 74.43% of all cases.

There are currently 17 patients being treated at the intensive care unit with seven on ventilator support. There are 1,564 active cases being treated at the country's health facilities at present.

Dr Noor Hisham also said that they had not made a decision to allow childcare centres to reopen, although there were many requests for this.

He said factories and industries had asked them to consider the request, as employees had no one to look after their children when they were working.

"We are worried about the control of children. If you look at childcare centres before Covid-19, the spread of the hand, foot and mouth disease was occurring.

"We haven't made a decision yet but are still studying it," he said during his daily briefing yesterday.

On the conditional movement control order (MCO), Dr Noor Hisham said that big factories seemed to comply with the standard operating procedure (SOP), as they had the capacity and means to do so.

He said the concern was whether the smaller industries would comply with the SOP.

Dr Noor Hisham said the effects of the conditional MCO would only be known in about 10 to 14 days and if targets could be achieved.